

**KESESUAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS
DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU**

NURULZIHA BINTI KAMARUZAMAN

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**KESESUAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS
DI POLITEKNIK JOHOR BAHRU**

Laporan Projek ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
APRIL 2009

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian atas limpah dan kurnia Allah S.W.T Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Buat ayahanda tersayang,

Hj. Kamaruzaman bin Hj. Mohd Nor

Apa yang telah diberi, akan kuhargai. Apa yang telah diucap akan kuingati. Terima kasih atas segala-galanya

Buat bonda tercinta

Hjh. Fauziah binti Hj. Mohd Ariffin

Engkau lah sumber inspirasi hidupku

Buat saudaraku yang teristimewa

Noorulziwaty binti Kamaruzaman

Nurulzila binti Kamaruzaman

Amirul Amin bin Kamaruzaman

Sesungguhnya diriku bahagia memiliki silaturrahim dengan kalian. Semoga kukuhnya ikatan persaudaraan ini setanding dengan kukuhnya kasih sayang antara kita.

Buat teman teristimewa

Mohd Ezri bin Saad

Sesungguhnya kehadiran mu menambah semangat perjuanganku. Semoga perhubungan semakin erat. Terima kasih kerana sabar menanti.

Buat sahabat-sahabatku

Zie, Nurul dan Has

Pengorbanan dan keperitan dalam menghadapi dugaan hidup selama ini tetap menjadi teladan dan kenangan kita bersama. Semoga Allah memberi hidayah dan membuka pintu RahmatNya.

Terima Kasih untuk segala kenangan yang terindah ini.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi maha penyayang. Segala tasbih dan tahmid hanya kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam untuk junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut baginda hingga ke hari kemudian.

Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan kurnia-Nya, maka saya telah menyiapkan projek ini bagi memenuhi syarat untuk mendapat Sarjana Pendidikan (Pendidikan Teknik dan Vokasional).

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Yahya Bin Buntat di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan. Tidak lupa buat semua tenaga pengajar di Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai atas segala bantuan yang diberikan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Politeknik Johor Bharu terutama Puan Siti Suhailah Samian dan Cik Anipah Samari kerana memberi sepenuh kerjasama semasa kajian dijalankan

Akhir sekali, tidak lupa juga ribuan terima kasih ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, serta sokongan moral.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kesesuaian pelaksanaan program pendidikan khas di Politeknik Malaysia. Empat faktor penting iaitu kemahiran pensyarah dalam pengurusan pelajar khas, faktor penerimaan Politeknik terhadap kesesuaian pelajar khas, kemudahan prasarana dan kesesuaian kurikulum telah dikenalpasti dalam meningkatkan keberkesanan program Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional. Responden kajian terdiri daripada 30 orang pensyarah yang sedang mengajar pelajar khas cacat pendengaran di Politeknik Johor Bahru (Johor). Kajian ini dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS 15 (Statistic Package for the Social Science versi 15). Nilai Alpha Cronbach (α), yang didapati adalah 0.70. Skor min dan peratusan digunakan untuk menganalisis tahap kesesuaian sesuatu faktor tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran pensyarah yang mengajar dan kurikulum yang disediakan adalah didapati sesuai untuk pelajar pendidikan khas di Politeknik. Manakala dari segi penerimaan politeknik terhadap pelajar khas dan juga kemudahan prasarana yang disediakan masih ditahap sederhana kesesuaiannya. Beberapa cadangan disertakan untuk memperbaiki beberapa kekurangan yang terdapat dalam pelaksanaan program tersebut.

ABSTRACT

This study was conducted to determine suitability of implementation the teaching and learning process in Special Education Program (SEP) in polytechnics. Research domains that were studied are lecturers' skill, acceptance of educational institute towards the capabilities of the disable students, suitability infrastructures and curriculum. Respondents for this research were 30 lecturers that align with learning process of the disable student that involved in the SEP program in Politeknik Johor Bahru (Johor). Questionnaires are used as the main research instrument. Data was analyzed with SPSS (Statistic Package for the Social Science) version 15.0. Alpha Cronbach (α) value for this research is 0.70. The mean score and percentages were used to analyze about the suitability of the factors. The findings revealed that, lecturers' skills and suitability of the curriculum of the SEP programs plays important roles in the development and achievement of the disable students. The level of acceptance towards these groups of learners in educational institution of disable students and the infrastructures available which suit them are at medium level. Overall, the findings indicated that the effectiveness of Special Education Program (SEP) in polytechnics is affected by the link between the ministry and the lecturers.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SIMBOL	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Penyataan Masalah	12
	1.3 Objektif Kajian	12
	1.4 Persoalan Kajian	13
	1.5 Kepentingan Kajian	13
	1.6 Skop dan Batasan kajian	15
	1.7 Kerangka Konsep	15
	1.8 Definisi Terminologi	18
	1.9 Kesimpulan	19

BAB 2**SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	20
2.1	Sejarah Pendidikan di Malaysia	27
2.2	Sejarah Pendidikan Vokasional di Malaysia	27
2.3	Program Pendidikan Khas	28
	2.3.1 Falsafah Pendidikan Khas	
	2.3.2 Sejarah Pendidikan Khas	
	2.3.3 Profesion Guru Pendidikan Khas	
2.4	Kemahiran Penyampaian Pensyarah Terhadap Pelajar Khas	40
2.5	Penerimaan Institut Pendidikan Tinggi Teknikal	42
2.6	Prasarana Yang Disediakan Untuk Pelajar Khas	45
2.7	Kurikulum Untuk Pelajar Khas	50
2.8	Perkembangan Kerjaya Orang Kurang Upaya	55
2.9	Kesimpulan	57

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	58
3.1	Reka Bentuk Kajian	58
3.2	Tempat Kajian	59
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	60
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	60
	3.4.1 Bahagian A	
	3.4.2 Bahagian B	
3.5	Prosedur Kajian	63
3.6	Kajian Rintis	65
3.7	Kaedah Analisis Data	66

3.8	Kesimpulan	68
-----	------------	----

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	69
4.2	Latar belakang responden	70
4.2.1	Taburan responden mengikut jantina	70
4.2.2	Taburan responden mengikut bangsa	71
4.2.3	Taburan responden mengikut umur	71
4.2.4	Taburan responden mengikut kelulusan tertinggi dalam pendidikan dan tempat pendidikan terakhir	72
4.2.5	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	73
4.2.6	Taburan Responden mengikut kursus diikuti pelajar khas	73
4.3	Analisis Persoalan Kajian	74
4.3.1	Persoalan kajian 1: Tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar	74
4.3.2	Persoalan kajian 2: Penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal dan vokasional	77
4.3.3	Persoalan kajian 3: Faktor prasarana yang disediakan dalam menjalankan proses pendidikan	80
4.3.4	Persoalan kajian 4 : Kesesuaian kurikulum bagi pelajar khas.	83
4.4	Rumusan keseluruhan analisis	86
4.5	Kesimpulan	88

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan	89
5.3	Keputusan keseluruhan aspek kajian	90
5.3.1	Perbincangan persoalan kajian 1: Tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar	91
5.3.2	Perbincangan persoalan kajian 2: Penerimaan institut pendidikan tinggi teknikal dan vokasional	93
5.3.3	Perbincangan persoalan kajian 3: Prasarana yang di sediakan dalam menjalankan proses pendidikan	94
5.3.4	Perbincangan persoalan kajian 4: Kesesuaian kurikulum mata pelajaran kemahiran	95
5.4	Rumusan	96
5.5	Implikasi dan Cadangan kajian	99
5.6	Cadangan kajian lanjutan	100
5.7	Kesimpulan	100
	BIBLIOGRAFI	101
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Senarai Program Sijil Kemahiran Politeknik KPT	6
2.1	Statistik OKU mengikut jenis kecacatan	32
2.2	Perkembangan Pendidikan Khas, masalah penglihatan	33
2.3	Perkembangan Pendidikan Khas, masalah pendengaran	34
2.4	Perkembangan Pendidikan Khas, masalah pembelajaran	35
2.5	Kursus yang ditawarkan untuk menjadi guru pendidikan khas	38
3.1	Pembahagian item bahagian A mengikut latar belakang responden	61
3.2	Persoalan kajian mengikut setiap pembolehubah	61
3.3	Jadual Likert	62
3.4	Pengkelasan skor skala Likert	66
3.5	Tahap Penilaian Responden Berdasarkan Peratus	67
3.6	Tahap Penilaian Responden Berdasarkan Min	67
3.7	Kriteria menganalisis data	68
4.1	Taburan responden mengikut jantina	70
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	71
4.3	Taburan responden mengikut umur	71
4.4	Taburan responden mengikut kelulusan tertinggi dalam pendidikan dan tempat pendidikan terakhir	72
4.5	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan sebagai seorang pendidik	73
4.6	Taburan responden mengikut kursus yang diikuti	73

	oleh pelajar khas	
4.7	Analisis deskriptif tahap kemahiran yang diperolehi oleh tenaga pengajar	75
4.8	Analisis deskriptif tahap penerimaan institut pendidikan tinggi dan vokasional	77
4.9	Analisis deskriptif prasarana yang di sediakan dalam menjalankan proses pendidikan pelajar khas	81
4.10	Analisis deskriptif kesesuaian silibus mata pelajaran kemahiran yang diberikan kepada pelajar khas	84
4.11	Rumusan keseluruhan analisis	86

SENARAI RAJAH

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Bilangan Permohonan Ke Politeknik (Perbandingan Ambilan setiap Sesi dan Tahun)	7
1.2	Bilangan Pemohon Ke Politeknik (Perbandingan Ambilan Sesi Julai sahaja)	8
1.3	Berdasarkan Kelulusan Pemohon	8
1.4	Pecahan bilangan pemohon mengikut kelulusan.	9
1.5	Perincian Pemohon yang Layak Dipertimbangkan	9
1.6	Pecahan Pemohon yang Layak Mengikut Kelulusan	9
1.7	Kerangka Kerja Sekolah Inklusif	16
1.8	Kerangka Konsep Program Pendidikan Khas	17
2.1	Organisasi Jabatan Pendidikan Khas	35

SENARAI SIMBOL

α - Alfa

f - Frekuensi / Kekurangan

% - Peratus

SENARAI SINGKATAN

BIL	-	Bilangan
BMKT	-	Bahasa Melayu Kod Tangan
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
OKU	-	Orang Kurang Upaya
PBB	-	Bangsa-Bangsa Bersatu
PJB	-	Politeknik Johor Bharu
PSA	-	Politeknik Shah Alam
PUO	-	Politeknik Ungku Omar
SPSS	-	Statistic Package for the Social Science
SS	-	Sangat Setuju
S	-	Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju
USM	-	Universiti Sains Malaysia
YAB	-	Yang Amat Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	108
B	Keputusan Analisis Kajian	115
C	Surat Kebenaran Bagi Menjalankan Penyelidikan Di Politeknik	125
D	Surat Kebenaran Universiti Teknologi Malaysia	126

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Adam Salleh (2003) menyatakan, pendidikan adalah hak asasi semua manusia. Semua insan di dunia ini, mempunyai hak untuk belajar dan mengetahui sesuatu. Individu kurang upaya juga mempunyai minat, hasrat dan cita-cita yang setanding dengan individu normal. Sebagai manusia normal, mungkin mereka tidak dapat merasakan rasa rendah diri kebanyakan mereka yang dilahirkan sempurna. Biasanya, insan yang dilahirkan lebih bernasib baik mudah alpa terhadap kurniaan Tuhan sehingga ada segelintirnya sanggup menghina atau mengetepikan mereka yang dilahirkan cacat. Pelajar kurang upaya sepatutnya tidak disisihkan daripada arus pembelajaran nasional kerana ada di kalangan mereka mempunyai kecerdasan setanding pelajar sempurna malah kadang kala melebihi mereka.

“...kita mempunyai tanggung jawab yang besar dalam pembangunan bangsa dan negara ini. Kita juga mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan minda dan jiwa rakyat untuk membawa kita ke arah wawasan yang ingin kita capai.”

Abdullah Ahmad Badawi (1999)

Penumpuan terhadap Pendidikan Khas di Malaysia bermula sekitar pada tahun 1920an apabila sukarelawan yang terlibat dalam pembukaan sekolah-sekolah cacat penglihatan dan pendengaran. Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran melalui Perakuan 169 merupakan satu titik tolak yang membawa kepada satu penekanan dan tumpuan yang lebih jelas kepada perkembangan Pendidikan Khas di Malaysia. Perakuan ini menyebut,

“ Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat adalah diperakukan kerjaan hendaklah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Disamping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan.”

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1976)

Kanak-kanak khas cacat pendengaran ini belajar mengikut kurikulum yang sama seperti kanak-kanak biasa. Mereka juga tidak terkecuali menjalani kegiatan atau aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Cuma yang akan membezakan antara mereka dan kanak-kanak biasa ialah kecacatan pendengaran yang mereka alami. Mereka berinteraksi sesama mereka menggunakan bahasa isyarat. Begitu juga penyampaian guru-guru di sekolah, mereka menggunakan Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT). (Netty Ah Hiyer, 2003)

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha agar semua warganegara tanpa mengira latar belakang akan memperolehi pendidikan asas yang berkualiti. Di antara peluang-peluang pendidikan yang diberi ialah:

- i. Pendidikan disediakan bagi kanak-kanak istimewa termasuk yang mengalami kecacatan pendengaran.
- ii. Mata pelajaran vokasional disediakan bagi pelajar-pelajar yang berminat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga meminta majikan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada golongan orang kurang upaya (OKU) supaya mereka boleh berdikari dengan memberi peluang untuk terlibat dalam pembangunan ekonomi dan di beri pendapatan yang setimpal. Kualiti latihan kemahiran untuk OKU di Malaysia ditingkatkan supaya mampu bersaing dengan pasaran pekerjaan. Jadi untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang diinginkan, kemahiran-kemahiran yang diberikan bersesuaian dengan kemajuan negara yang makin membangun (Ku Seman. 2007).

Dalam konteks ini, beliau mahu majikan mempunyai sikap penyayang kepada pekerja OKU kerana sifat itu amat tinggi nilainya;

*“Kita perlu menghargai manusia lain yang ingin maju, berjaya dan hendak bekerja.
Kita perlu memberi perhatian untuk menjayakan hasrat mereka”*

Abdullah Ahmad Badawi (1999)

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berpendapat, bagi mewujudkan kesedaran kepada masyarakat terhadap OKU tidak perlulah diadakan satu undang-undang. Kesedaran harus ada dengan sendirinya tercetus kerana OKU adalah sebahagian anggota masyarakat. Mereka mempunyai hak untuk hidup seperti orang biasa dari segi pendidikan, pekerjaan, kehidupan sosial dan mendapat kemudahan seperti yang dimiliki oleh insan lain.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesesuaian pelaksanaan program pendidikan khas di politeknik Malaysia. Kebanyakan pelajar khas merasakan mereka selalu didiskriminasi oleh segelintir pihak yang bertanggungjawab. Tanggapan golongan kurang upaya hanya layak menjadi telefonis perlu dikikis kerana golongan ini dalam erti sebenarnya mampu menceburi dan mengisi bidang lebih mencabar (Adam Salleh, 2003).

Pengerusi Kumpulan Kerja Pendidikan dan Promosi Hak Asasi Manusia, SUHAKAM, Prof. Dr. Chiam Heng Keng juga bersetuju bahawa kesukaran dalam mendapatkan tenaga pengajar yang berkemahiran adalah antara masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan pelajar khas kerana ianya bukan suatu tugas yang mudah untuk menarik minat orang ramai untuk menceburi bidang yang memerlukan mereka untuk mengajar pelajar khas. Kebanyakan tenaga pengajar tidak berminat mengajar golongan ini kerana menyedari mereka perlu memberikan komitmen serta kesabaran yang tinggi (Berita Harian, 30 Mac 2004).

Satu kajian yang dijalankan oleh Aliza Alias dan Mohd Mokhtar Tahar dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati hampir separuh (45.6 peratus) guru yang bukan dari khusus pendidikan khas mengajar di program pendidikan khas masalah pembelajaran. Mereka berkata 54.4 peratus guru mempunyai pengkhususan pendidikan khas pula mendidik pelajar dalam aliran biasa. Hanya 13.3 peratus sahaja guru yang terlibat dalam kajian ini mempunyai bidang pengkhususan masalah pembelajaran. Secara keseluruhannya 86.7 peratus guru yang mengajar dalam program ini adalah guru yang tidak dilatih mengajar kanak-kanak masalah pembelajaran.

Kertas kerja kajian itu yang bertajuk Penempatan Guru di Program Integrasi Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar dan Pelaksanaan. Menurut kajian itu, jumlah guru yang telah mengikuti pelbagai kursus dalam bidang pendidikan khas amat menggalakkan. Bagi guru yang bukan pengkhususan masalah pembelajaran didapati hanya 7.8 peratus sahaja tidak pernah mengikuti sebarang kursus yang berkaitan pendidikan khas dan hampir separuh daripada guru itu hanya mengikuti kursus yang kurang daripada sebulan. Kursus yang pendek kurang dari sebulan tidak cukup untuk membantu dan mendedahkan guru-guru ini kepada pengetahuan serta pengalaman yang diperlukan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut kajian itu, guru perlu mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri kanak-kanak masalah pembelajaran supaya perhatian dapat diberikan kepada keperluan tertentu kanak-kanak itu dalam proses pembelajaran seperti memilih pedagogi sesuai dengan keupayaan pelajar dalam proses pembelajaran. Menurut Aliza dan Mohd Mokhtar, bidang pengkhususan lain dalam pendidikan khas seperti pintar cerdas, masalah pendengaran,

masalah penglihatan dan pemulihan adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari aspek kanak-kanak tersebut mahupun kaedah pedagogi yang sesuai. Guru harus mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan mendalam tentang ciri-ciri kanak-kanak masalah pembelajaran yang menempatkan pelbagai kategori seperti autistik, hiperaktif, sindrom down dan juga disleksia. Kajian ini dilakukan terhadap 90 guru yang mengajar di program integrasi di sekolah rendah dan menengah.

Tugas guru pendidikan khas adalah membantu memulihkan dan mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup orang kurang upaya supaya mereka dapat hidup berdikari dengan memberi pemulihan dan latihan kemahiran yang sesuai. Mereka juga berusaha menolong pelajar khas supaya dapat berdikari dan membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat yang lebih produktif sejajar dengan kebolehan dan keupayaan mereka dan tidak melihat kekurangan dalam diri mereka sebagai penghalang untuk menyesuaikan diri untuk hidup bermasyarakat. Hanya manusia yang mempunyai ketabahan psikologi yang kuat boleh menghadapi pelbagai cabaran mendidik pelajar khas.

Persepsi masyarakat juga kebanyakan negatif terhadap golongan kurang upaya. Kerajaan mahu golongan orang kurang upaya tidak disisih, namun kerana kurang kesedaran dan memahami tanggungjawab sosial, ramai pihak sukar menerima golongan ini sebagai pekerja (Netty Ah Hiyer, 2003). Ketidakpuasan hati para cendekiawan dan majikan terhadap kualiti graduan OKU yang dikatakan tidak boleh diterima untuk bekerja dalam industri.

Penggubalan dan seterusnya pelaksanaan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara pada tahun 1990 antara lain bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat yang bersemangat berdikari dan menikmati peluang yang sama. Golongan orang kurang upaya telah dikenalpasti sebagai satu Kumpulan Sasar Khas yang akan diberi perhatian di bawah dasar ini.

Pada masa kini, syarat permohonan program sijil kemahiran politeknik Kementerian Pengajian Tinggi bagi pelajar berkeperluan khas (masalah pendengaran) adalah calon mestilah menamatkan persekolahan Tingkatan Lima (5) di Sekolah Pendidikan Khas atau

Program Pencantuman Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Kursus yang ditawarkan hanya di peringkat sijil yang merangkumi kursus-kursus seperti di dalam jadual di bawah.


Jadual 1.1 : Senarai Program Sijil Kemahiran Politeknik KPT

Senarai Program Sijil Kemahiran Politeknik KPT				
Bagi Pelajar Berkeperluan Khas (Masalah Pendengaran)				
Kod	Program	Kod Politeknik Yang Menawarkan		
		PUO	PSA	PJB
KO4	Sijil Kemahiran (Awam Pembinaan)	√		
	Sijil Kemahiran (Penyenggaraan Mekanikal)		√	
	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Hotel dan Katering)			√
	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekaan Fesyen dan Pakaian)			√
	Sijil Kemahiran Khas Politeknik (Rekabentuk Grafik)			√
Petunjuk:				
	√	Program yang ditawarkan di politeknik berkenaan		
	PUO	Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak		
	PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor		
	PJB	Politeknik Johor Bahru, Pasir Gudang, Johor		


Unit Pengambilan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti bertanggungjawab melaksanakan segala urusan berkaitan proses pengambilan ,penawaran ,pendaftaran disamping melayan kes-kes rayuan kemasukan, pertukaran kursus dan pertukaran politeknik. Dasar atau polisi pengambilan pelajar ke politeknik ditentukan oleh Jawatankuasa Pengambilan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Proses permohonan kemasukan pelajar ke Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dilaksanakan dua kali setahun.

Perbezaan bilangan permohonan berlaku dari sesi ke sesi dan dari tahun ke tahun. Untuk mendapatkan perbandingan tahunan yang realistik, perbezaan ini perlu dibandingkan mengikut Sesi Pertama iaituambilan Jun/Julai dan Sesi Kedua iaituambilan Disember/Januari.

Statistik yang didapati daripada Rekod Pengambilan Tahunan Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti 2006 iaitu Sesi Pertama bermula pada bulan Julai 2006, ia juga dikenali sebagai Sesi Julai 2006. Kebiasaannya, permohonan yang diterima bagi Sesi Julai setiap tahun adalah lebih tinggi berbanding Sesi Januari. Ini disebabkan oleh bilangan calon lepasan SPM yang mencari tempat untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.



Rajah 1.1: Bilangan Permohonan Ke Politeknik
(Perbandingan Ambilan setiap Sesi dan Tahun)




Rajah 1.2: Bilangan Pemohon Ke Politeknik
(Perbandingan Ambilan Sesi Julai sahaja)

Di bawah adalah analisis yang diperolehi daripada proses permohonan bagi Sesi Julai 2006 adalah seperti berikut :

Lulusan	Bilangan	%
SPM	104,629	92.54
Sijil Politeknik	7,251	6.41
Sijil Kolej Komuniti	1,043	0.92
Pelajar Khas	137	0.12
Jumlah	113,060	100

Rajah 1.3: Berdasarkan Kelulusan Pemohon




Rajah 1.4: Pecahan bilangan pemohon mengikut kelulusan.

Di bawah adalah perincian pemohon yang layak dipertimbangkan untuk sesi kemasukan Sesi Julai 2006 yang mengkategorikan lulusan lepassa SPM, sijil politeknik, sijil kolej komuniti dan pelajar khas. Hanya 137 orang sahaja pelajar khas yang memohon dan kesemuanya dipertimbangkan untuk melanjutkan pengajian di politeknik.

Lulusan	Bil. Mohon	Bil. Layak	% Layak
SPM	104,629	97,033	92.7
Sijil Politeknik	7,251	7,017	96.8
Sijil Kolej Komuniti	1,043	747	71.6
Pelajar Khas	137	137	100
Jumlah	113,060	104,934	92.8

Rajah 1.5: Perincian Pemohon yang Layak Dipertimbangkan



Rajah 1.6: Pecahan Pemohon yang Layak Mengikut Kelulusan

Di Universiti Teknologi Malaysia, syarat am untuk sesebuah program selain kelayakan akademik yang ditetapkan ada menekankan tentang masalah kecacatan pemohon yang mempunyai kecacatan fizikal dinasihatkan terlebih dahulu menghubungi Pejabat Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik, UTM menerangkan bentuk dan jenis kecacatan serta program yang akan dipohon sebelum menghantar permohonan bertujuan mengelakkan kesulitan yang timbul kerana kemudahan yang terbatas di universiti ataupun keperluan program itu sendiri. Kriteria akademik yang sama akan digunakan dalam proses menentukan pemohon yang berjaya. Kecacatan yang dimaksudkan ialah dari segi fizikal yang menyulitkan kerja di makmal dan bengkel dan juga kecacatan penglihatan yang mengalami masalah rabun atau buta warna.

Walau bagaimanapun, bagi beberapa program yang dijalankan oleh fakulti berikut, pemohon yang mempunyai kecacatan seperti yang dijelaskan di bawah tidak dibenarkan memohon program berkenaan. Fakulti tersebut ialah seperti berikut:-

- i. Fakulti Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains kesihatan
- ii. Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- iii. Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli
- iv. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Demikian juga di Universiti Malaysia Perlis (UniMap) yang menyatakan, buat masa kini pihak UniMAP belum lagi menyediakan apa-apa kemudahan untuk golongan OKU memandangkan lokasi kampus yang bersifat bertaburan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dititikberatkan dalam pembinaan kampus tetap kelak.

Golongan OKU beranggapan mereka kurang mendapat keistimewaan dari pihak-pihak tertentu. Dalam bidang pendidikan, prasarana dan infrastruktur yang diberikan kepada golongan ini amat terhad contohnya seperti alat bantu mengajar yang diperlukan dalam pembelajaran tidak mencukupi. (Adam Salleh, 2003)

Sempena Dekad Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik, 1993-2002 negara kita telah menandatangani Proklamasi Penyertaan Penuh dan Penyamaan Peluang Bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik pada 16 Mei 1994 di Kuala Lumpur. Agenda Tindakan Dekad ini memberi penekanan kepada kesedaran masyarakat dan penyediaan kemudahan-kemudahan ke arah peningkatan kesejahteraan hidup orang kurang upaya.

Pendidikan Khas bermaksud pendidikan yang dibentuk khas untuk memenuhi keperluan pelajar kurang upaya yang mengalami pelbagai kecacatan atau kurang upaya. Pendidikan Khas merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran, latihan jasmani dan juga pendidikan yang berteraskan rumah, hospital dan institusi. Kurikulum Pendidikan Khas ini juga merupakan sebahagian daripada kurikulum biasa yang telah diubahsuai agar bersesuaian dengan keperluan khas orang kurang upaya.

Di Malaysia, selepas tahun 1960-an, dasar pendidikan adalah bercorak massa, di mana semua orang berpeluang mendapat kemudahan peringkat menengah dan juga ke pusat pengajian tinggi. Kemudian, pada tahun 1980-1990, perkembangan pendidikan menggalakkan di mana dengan adanya dasar pendemokrasian pendidikan. Berdasarkan pernyataan ini, pendidikan bukan sahaja untuk golongan yang sempurna malah golongan OKU juga turut diberi pendidikan yang dikenali sebagai Pendidikan Khas.

Kepentingan Pendidikan Khas juga dipetik dari ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Majlis Perasmian Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Kebangsaan yang menyatakan:

“Kerajaan menyediakan peluang Pendidikan Khas kepada kanak-kanak kurang upaya dan sehingga ini, Kementerian Pendidikan telah menyediakan sebanyak 31 buah sekolah pendidikan khas, iaitu 28 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah. Kerajaan juga menyediakan peluang pemulihan dan latihan iaitu 5 buah institusi Taman Sinar Harapan yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 2 buah institusi latihan...”

(22 Ogos 2002)

1.2 Penyataan Masalah

Dilihat dari latarbelakang masalah yang dinyatakan, didapati terdapat beberapa permasalahan dalam melaksanakan Program Pendidikan Khas di Politeknik-Politeknik di Malaysia. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk melihat apakah faktor tahap kesesuaian kemahiran pensyarah dalam pengurusan pelajar khas, faktor penerimaan Politeknik terhadap kesesuaian pelajar khas, faktor kesesuaian kemudahan prasarana bagi pelajar khas dan faktor kesesuaian kurikulum yang diberikan kepada pelajar khas yang terdapat pada masa ini sesuai untuk pelaksanaan program untuk pelajar khas di Politeknik.

1.3 Objektif Kajian

- i. Menenalpasti tahap kesesuaian kemahiran pensyarah dalam pengurusan pelajar khas di Politeknik.
- ii. Menenalpasti faktor penerimaan Politeknik terhadap kesesuaian pelajar khas di Politeknik.
- iii. Menenalpasti faktor kesesuaian kemudahan prasarana yang disediakan bagi pelajar khas di Politeknik.
- iv. Menenalpasti faktor kesesuaian kurikulum yang diberikan kepada pelajar khas di Politeknik.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan masalah yang telah diutarakan, persoalan-persoalan utama yang menjadi kajian penyelidikan ialah:

- i. Apakah kemahiran yang dimiliki oleh pensyarah Politeknik sesuai untuk pelajar khas di Politeknik.
- ii. Apakah Politeknik menerima pelajar khas untuk belajar di Politeknik.
- iii. Apakah Politeknik dapat menyediakan kemudahan prasarana yang sesuai bagi pelajar khas di Politeknik.
- iv. Apakah Politeknik dapat menyediakan kurikulum yang sesuai kepada pelajar khas di Politeknik

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan maklumat yang baik dan berguna kepada semua pihak umumnya dan khususnya pihak yang terlibat secara langsung di dalam bidang pendidikan Teknik dan Vokasional serta Kemahiran.

1.5.1 Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar dapat mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran yang perlu diberikan kepada pelajar khas dan membantu tenaga pengajar memahami kemampuan serta kebolehan pelajar khas dalam mengukur keupayaan dan kebolehan mereka dalam menentukan sejauh mana peluang dan pembabitan mereka dalam sesuatu bidang. Selain itu, kajian ini juga memberi pendedahan kepada tenaga pengajar supaya strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya kemahiran teknikal di kalangan pelajar khususnya dapat ditingkatkan.

1.5.2 Pelajar Khas

Pelajar sebagai golongan yang terlibat secara tidak langsung dalam kajian ini dapat mengetahui bahawa hak mereka untuk menuntut ilmu tidak diketepikan oleh masyarakat dan peluang mereka mempunyai tanggungjawab untuk terlibat sama dalam meningkatkan sumber tenaga negara.

1.5.3 Ibu Bapa Pelajar Khas

Ibu bapa yang merupakan individu yang paling hampir dengan pelajar apabila berada di rumah, dapat diberi pendedahan mengenai kemahiran dan kepentingannya di era serba maju ini. Kajian ini dapat mendorong ibu bapa

membantu dalam meningkatkan keyakinan dan semangat pelajar di rumah sekaligus mengalakkan anak-anak supaya terus berusaha untuk masa depan yang cerah.

1.5.4 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Menyakinkan penggubal kurikulum di Pusat Perkembangan Kurikulum, dan memberi sokongan yang lebih kukuh untuk mengintegrasikan pendidikan kemahiran berkaitan teknikal dan teknologi di kepada golongan pelajar khas. Kajian ini juga dapat mendorong pihak kementerian supaya sentiasa melihat kepada perkembangan kemahiran yang sesuai untuk golongan ini mengikut peredaran arus teknologi.

1.6 Skop dan Batasan kajian

Kajian yang dijalankan hanya bertumpu kepada pensyarah pendidikan khas di Politeknik Johor Bahru. Maklumat yang hendak diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan adalah maklumat diri responden iaitu pensyarah pendidikan khas dan persepsi mereka terhadap faktor-faktor kesesuaian pelaksanaan program pendidikan khas di politeknik. Maklumat yang diperolehi adalah terbatas kepada maklum balas daripada soal selidik tersebut sahaja.

1.7 Kerangka Konsep


Teori menurut Mohd Najib (1999) bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena. Zais (1976) menyatakan teori ini di dalam pendidikan berfungsi untuk menerang, meramal dan menghuraikan fenomena-fenomena yang berlaku di dalam konteks pendidikan dan ia juga dapat membimbing amalan praktis bagi pihak yang menggunakan teori tersebut.

Kerangka teori menurut Gredler (1996) pula, menjadi landasan kerana ia mengenalpasti sejauhmana skop yang berkaitan dengan aspek yang hendak di kaji dan kesepadanan dengan teori yang hendak digunapakai dalam kajian.

Heneveld & Craig (1996) telah mencadangkan kerangka kerja keberkesanan sekolah inklusif yang komprehensif berdasarkan hasil kajian tentang faktor-faktor yang

menyumbang kepada keputusan pelajar. Kerangka kerja ini mengenalpasti lapan belas faktor yang dibahagikan kepada empat kategori:-

- i. Perolehan yang menyokong daripada luar sekolah
- ii. Syarat yang membenarkan
- iii. Persekitaran sekolah
- iv. Proses pengajaran dan pembelajaran




Rajah 1.7: Kerangka Kerja Sekolah inklusif

Dapat diperhatikan dalam kerangka kerja di atas yang kesemua faktor ini berinteraksi sesama sendiri. Kesemua faktor juga dipengaruhi oleh faktor secara konteks tingkahlaku pelajar. Rangka kerja ini menyumbangkan jalan komprehensif bagi melihat keberkesanan pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan pelajar bekeperluan khas di sekolah dan bidang pendidikan.

Daripada faktor-faktor di atas, penyelidik telah menghasilkan rangka kerja yang sesuai dengan skop kajian penyelidik yang menggabungkan kesemua faktor di atas menjadi lebih ringkas dan mudah difahami. Penyelidik menghasilkan tiga elemen utama seperti yang dinyatakan di bawah:-

- i. Masukan (input) – program pendidikan khas dijadikan sebagai elemen untuk dikaji dalam kajian kesesuaian pelaksanaan ini. Elemen ini melibatkan sokongan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, pensyarah, ibu bapa dan komuniti masyarakat.
- ii. Proses – faktor yang akan dikaji iaitu kemahiran pensyarah dari segi latihan dan kursus yang disediakan dan pengalaman mengajar. Penerimaan institusi politeknik iaitu dari segi kuota pengambilan pelajar khas bagi setiap sesi ambilan dan kursus yang ditawarkan. Kemudahan prasarana pula dari aspek pengajaran dan persekitaran yang disediakan serta kesesuaian kurikulum iaitu modul pengajaran yang disediakan adakah ianya berbeza dari pelajar normal atau sebaliknya. Kesemua faktor ini kategorikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kajian ini.
- iii. Keluaran (output) – hasil kajian akan melihat samada program pendidikan khas ini sesuai atau tidak dilaksanakan di politeknik berdasarkan faktor-faktor yang telah dikaji seperti di atas.



Rajah 1.8: Kerangka Konsep Program Pendidikan Khas

1.8 Definisi Terminologi

Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), definisi terminologi ialah senarai dan penerangan segala istilah atau konsep dalam penyelidikan berdasarkan sesuatu sumber rujukan (ensiklopedia dan lain-lain), atau pun pendapat pakar. Penerangan hendaklah di buat sejelas mungkin dan seboleh-bolehnya merangkumi semua pendapat mengenai istilah atau konsep tersebut.

Terdapat beberapa definisi yang digunakan dalam kajian ini bagi menjelaskan atau menerangkan maksud perbendaharaan kata yang hendak disampaikan oleh penyelidik seperti :

1.8.1 Kesesuaian

Kamus Edisi Baru (1989, Zainal Abd. Rahim) menyatakan sesuai bermaksud padan benar atau patut atau selaras dengan sesuatu situasi. Kesesuaian bermaksud perihal sesuai atau kesamaan atau keselarasan. Dalam kajian ini, kesesuaian yang dimaksudkan ialah samada program pendidikan khas sesuai dilaksanakan di politeknik atau sebaliknya.

1.8.2 Pelaksanaan

Menurut Datnow et.al. (2002), pelaksanaan bermaksud tindakan menggunakan keseluruhan atau sebahagian ciri-ciri dan komponen kurikulum yang diperkenalkan.

Fullan (1992) pula menyatakan pelaksanaan sebagai satu proses perkembangan kurikulum dan ia berkaitan dengan proses penilaian. Ia dilihat sebagai satu cara untuk mencapai matlamat, melibatkan persetujuan ramai dan mempunyai arah tuju yang jelas.

1.8.3 Program Pendidikan Khas

Program Pendidikan Khas disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Ia diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah dan sekolah menengah teknik dan vokasional serta institut pendidikan tinggi yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

1.8.4 Politeknik

(Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2001) menyatakan bahawa ia merupakan salah satu institusi pendidikan tinggi yang menawarkan kursus bagi peringkat sijil dan diploma. Ia menawarkan kursus dalam bidang teknikal dan

vokasional untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam kajian ini, politeknik yang dipilih ialah Politeknik Johor Bharu (PJB).

1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini pengkaji telah menerangkan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka konsep dan definisi terminologi. Dengan segala maklumat telah dijelaskan, adalah menjadi hasrat pengkaji agar kajian ini dapat dijalankan mengikut kehendak penyelidikan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Razak (1997). *Persepsi Guru-Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Terhadap RekaCipta*. Tidak diterbitkan Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia.
- Adam Salleh (2003).Orang Cacat Masih Terpinggir. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 24, 2007 daripada <http://utusan.com.my>
- Adzmi Yusoff (2003).*Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Bagi Sub Topik Unjuran Ortografik, Pandangan Isometrik Dan Pandangan Oblik Di Sekolah Menengah Teknik Negeri Pantai Timur*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali Mahmood (2007).OKU Perlu Terus Diberi Peluang. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 24, 2007, daripada <http://utusan.com.my>
- Ahmad Mohd Sharif (1997).*Pelaksanaan Program Pendidikan Vokasional, Teknikal dan Kejuruteraan serta Implikasinya*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Anjuran UTHO
- Amir Awang (1984). “Pengantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia”: Penerbit Universiti Sains Malaysia
- Ang Huat Bin (1999).*Konsep Dan Kaedah Pengajaran Dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- Arthur P Lloyd dan Aminah Hj. Hashim (1994). “Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Aziz Nordin (1991).*Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pembelajaran Kimia*".
Jurnal Pendidikan. 1 .70-80.

Bourgeault dan Michael D (1970).Ausubel's satellization theory: Application to some
research on adolescents. *Journal Adolescents*, 13 (49), 167-180

Buku Maklumat Pendidikan Khas (2004) Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas,
Kementerian Pelajaran Malaysia

Chiam Heng Keng (2007). *Orang Kurang Upaya*. Utusan Malaysia. (atas talian)
diperolehi pada Ogos 25, 2007, daripada <http://utusan.com.my>

Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992).*Pendidikan Khas Dan Pemulihan*. Kuala
Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Drummond dan Ryn,W. (1995).*Themes In Teacher Education Research*.Handbook
Of Research On Teacher Education. New York: Macmillan Publishing Co.

Ee Ah Meng (1999). *Pedagogi untuk Bakal Guru*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti
Sdn. Bhd

Esah Sulaiman (2003).*Asas Pedagogi*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi
Malaysia.

Faisal Md. Kasim (1999). *Satu Tinjauan Teknik Belajar Pelajar Sekolah Menengah
Vokasional (ERT) Azizah, Johor Bahru, Johor*. Universiti Teknologi
Malaysia.Projek Sarjana Muda.

Hashim Omar (1991).*Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur. PTS Profesional
Publishing Sdn. Bhd.

Hasnan dan Syed Othman (2001). *Dasar Dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan
Kebangsaan*. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Januari 28, 2008,
daripada <http://utusan.com.my>

Jamila K (2005). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-kanak Istimewa*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn.Bhd

Kamus Dewan (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ku Seman (2007). *Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya*. Utusan Malaysia (atas talian) diperolehi pada Julai 28, 2007 daripada <http://utusan.com.my>

Lewis dan Doorlag, M.L. (1991). *The Behavior of Teachers and the Productive Behavior of Their Pupils: I. Perceptions Analysis, II. Traits Analysis*. Journal of Experimental Education, 89-105.

Lokman Ismail (2007). *Beri Peluang Pada Orang Kurang Upaya*. Utusan Malaysia. (atas talian) diperolehi pada Julai 28, 2007, daripada <http://utusan.com.my>

Mohd Dan Bin Yusof (2007) . *Pendidikan Khas Online bersama Mohd Dan Bin Yusof* (atas talian) diperolehi pada Julai 28,2007 daripada [http://community.my/pendidikan khas](http://community.my/pendidikan_khas)

Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Data : Ujian Bilik Darjah*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.

Murugiah Velayutham (1997) dlm Siti Mariam binti Hasbullah (2004). *Tahap Persediaan Guru Sains Mengajar dalam Bahasa Inggeris, Satu Tinjauan di Beberapa Sekolah Menengah Sekitar Daerah Kota Bharu, Kelantan*. Tesis: Fakulti Pendidikan, UTM.

- Netty Ah Hiyer (2003). *Golongan Istimewa Dan Globalisasi*. Utusan Malaysia. (atas talian) diperolehi pada Ogos, 2003, daripada <http://utusan.com.my>
- Nik Zafri dan Tetty Henney (2000). *Pembangunan Kurikulum Untuk Pelajar Istimewa*. Jurnal Pendidikan, Disember Vol 1
- Noor Laily Abu Bakar (2006). *OKU Atau Orang Kurang Upaya*. Mingguan Wanita, 1196, 100-102
- Noor Syuhaila Hj Ismail Basha (2003). *Gaya Pengajaran Guru Dalam Proses Pengajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah-Sekolah Negeri Melaka*. Tesis: Fakulti Pendidikan, UTM.
- Ramlee Mustafa (2000). *Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional Cabaran Pendidikan Alaf Baru*. Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia..
- Razhiyah K.A (2005). *Menjadi Guru Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing
- Robiah Hamzah, UPM. *Strategi Pengajaran Kemahiran Psikomotor Teori dan Praktis*. Jurnal Pendidikan. Disember 1988.
- Saifulizam Mohamad (2007). *Tingkatkan Kualiti Latihan OKU*. Utusan Malaysia. (atas talian) diperolehi pada Julai 28, 2007, daripada <http://utusan.com.my>
- Shahril @ Chairil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing Dan Dr. Saedah Hj. Siraj (1993). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur ; Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.
- Susan Skipper (2006). *Conceptual Framework for Effective Inclusive Schools*. ICSEI: International Congress for School Effectiveness and Improvement, Ft. Lauderdale, Florida, 5 January 2006.

- Siti Mapsiah, Nor Azizah Salleh (1995). *Pendidikan Vokasional : Formal Dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad Ke 21.
- Subahan M. Meerah, Yeoh Sik Mei dan Lilia Halim (2004). *Strategi Daya Tindak Guru Bukan Opsyen Yang Mengajar Fizik*. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 10 Oktober, hal 17-26.
- Sulaiman Masri (1998). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suria Affandy Hj Mohd Zain (2000). *Keberkesanan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Lukisan Geometri Serta Pengaruhnya Terhadap Pencapaian Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Terengganu*. Tesis: Fakulti Pendidikan, UTM.
- Syahram Abdullah (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Sahaat (2007). *Faktor- faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Pelajar Khas (Cacat Pendengaran) Dalam Mata Pelajaran Vokasional – Satu Tinjauan Kes Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasioanal, Skesen 17, Shah Alam.*” Tesis Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia
- Zinaida Ariffin (2006). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur : Zafar Sdn. Bhd
- Zulkiple Abd. Ghani (2007). *Komunikasi Majikan Dan Pekerja*. 45, 9-10